

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah strategi dan langkah efektif Kerajaan bagi menangani masalah harga pasaran kelapa sawit yang rendah dan bagaimana Kerajaan membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit yang dipengaruhi.

JAWAPAN

Antara strategi dan langkah Kerajaan bagi menangani masalah harga pasaran sawit yang rendah adalah seperti berikut:

i. meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan Program Biodiesel B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) mulai 1 Julai 2019 bagi sektor industri. Implementasi program ini membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik dalam negara dengan anggaran peningkatan sebanyak 761,000 tan setahun;

ii. menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit. Melalui usaha ini, prestasi eksport minyak sawit Malaysia telah meningkat sebanyak 10.5% daripada 2.72 juta tan bagi dua bulan pertama 2018, kepada 3.00 juta tan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2019. Dalam tempoh masa tersebut, eksport minyak sawit Malaysia ke negara pengimport utama minyak sawit Malaysia iaitu India telah meningkat sebanyak 65.6%, manakala China 62.0% dan Amerika

SOALAN NO : 481

Syarikat 20.3%. Peningkatan juga dilihat berlaku di pasaran Kesatuan Eropah sebanyak 1.5%. Antara negara yang mencatatkan peningkatan yang ketara adalah Itali 88.8% dan Sepanyol 23.4%;

iii. menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara beberapa buah Syarikat Malaysia bersama Syarikat China bersempena Forum Perniagaan Minyak Sawit Malaysia-China di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur pada 4 Mac 2019. Terdapat 4 buah syarikat Malaysia dan 3 buah syarikat China terlibat dalam menandatangani MoU ini. Forum yang dianjurkan ini bertujuan untuk merealisasikan persetujuan yang telah dicapai semasa Mesyuarat Delegasi antara Malaysia dan China yang diadakan di Beijing, China pada 20 Ogos 2018. Hasil perjanjian ini akan meningkatkan jumlah pengambilan minyak sawit Malaysia ke China iaitu sebanyak 1,074,000 tan metrik. Kementerian menjangkakan China akan terus mendapatkan lebih banyak minyak sawit dari Malaysia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan syarikat-syarikat sawit di Malaysia akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia ke China untuk memenuhi keperluan negara tersebut;

iv. Pelaksanaan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) secara mandatory bermula Januari 2020 sebagai langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dalam menjenamakan minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pengguna dunia. MSPO akan membuka akses pasaran lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport. Ini seterusnya akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui akses pasaran yang lebih luas dengan hasil yang lebih berkualiti, mesra alam dan mampan; dan

v. mengadakan kempen “Sayangi Sawitku” sepanjang tahun 2019 yang telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 di Ladang East Sime Darby Plantation, Pulau Carey. Pelbagai program dan aktiviti telah diatur sepanjang tahun ini bagi menjayakan kempen “Sayangi Sawitku” yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit Malaysia serta peranannya dalam aspek pemeliharaan alam sekitar. Ini

SOALAN NO : 481

sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya kempen anti minyak sawit yang mengaitkan industri sawit sebagai penyumbang kepada penyahutanan dan kemusnahan habitat hidupan liar yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, naratif positif berkenaan industri sawit negara dapat disebarkan oleh rakyat Malaysia kepada masyarakat global dan seterusnya meningkatkan penerimaan minyak sawit Malaysia.

Dalam menghadapi masalah harga sawit yang rendah, Kerajaan akan terus memberi bantuan untuk tahun ini bagi mengurangkan bebanan kos pengurusan ladang pekebun kecil sawit seperti berikut:

i. memperuntukkan dana pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebanyak RM30 juta bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO. Dana ini merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, Kerajaan turut menanggung kos latihan dan taklimat yang akan diberikan kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara;

ii. memberikan diskaun sehingga 20% melalui Skim Insentif Mekanisasi Ladang Sawit (OPIMIS) kepada pengusaha sawit bagi setiap pembelian jentera untuk digunakan dalam operasi ladang sawit; dan

iii. mewujudkan Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) untuk menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti untuk kebaikan bersama. Melalui SPOC, Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) telah ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui penjualan buah tandan segar (BTS) secara berkelompok. Bagi memperkasakan kemampuan KPSM dalam urusan jual beli BTS pula, Kementerian telah memperuntukkan RM1 juta bagi mewujudkan Skim Modal Pusingan (SMP) bagi KPSM.

Sekian, terima kasih.